

03 JUL 2002

Abdullah-Penghargaan

ABDULLAH TERHARU DENGAN PENGUMUMAN TERBUKA DR MAHATHIR BELIAU PENGGANTINYA

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melahirkan rasa terharu di atas kepercayaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang secara terbuka menamakan beliau sebagai penggantinya.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri di atas kepercayaan tersebut, Abdullah berkata beliau akan bekerja sebaik mungkin dan bersungguh-sungguh agar tidak menghampakan kepercayaan dan harapan Dr Mahathir, Umno dan rakyat terhadapnya.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas pengumuman terbuka Dr Mahathir hari ini bahawa Abdullah adalah penggantinya apabila beliau bersara selepas sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober tahun depan.

Dr Mahathir, sekembalinya dari bercuti selama 10 hari di luar negara juga menyatakan sokongan beliau terhadap timbalannya sebagai pengganti beliau dan meminta para pemimpin dan anggota Umno, Barisan Nasional serta seluruh rakyat memberi sokongan padu terhadap Abdullah.

"Saya percaya Dr Mahathir tentulah telah berfikir panjang sebelum beliau secara terbuka membuat kenyataan itu," kata Abdullah ketika dihubungi Bernama di sini.

"Saya amat terharu apabila mendengar Dr Mahathir secara terbuka membuat kenyataan kepada umum saya adalah penggantinya terutama apabila meminta orang ramai yang menghadiri majlis sambutan kepulangannya pagi ini menyokong saya," kata beliau.

Dr Mahathir telah berucap kepada lebih 10,000 orang terdiri daripada anggota Umno dan parti-parti komponen Barisan Nasional serta rakyat pada majlis itu yang disiarkan secara langsung oleh RTM.

Abdullah mengakui bukan satu perkara yang mudah bagi beliau untuk mengikut jejak langkah Dr Mahathir yang merupakan pemimpin yang begitu berjaya dan terkenal di seluruh dunia.

"Bagi saya beliau sentiasa dilihat sebagai pemimpin yang membimbing saya dan juga memberi nasihat dari semasa ke semasa dalam menjalankan tugas saya. Saya sangat menghargai bimbingan beliau, segala tunjuk ajar dan nasihat beliau akan membantu saya nanti," katanya.

Buat masa ini kata Abdullah, beliau selaku timbalan kepada Dr Mahathir, akan terus menjalankan tugas seperti biasa.

Ditanya sama ada beliau juga telah mendapat pernyataan sokongan dari barisan pimpinan Umno dan komponen BN sebagai pengganti Dr Mahathir, Abdullah berkata: "Anggota Majlis Tertinggi dan Menteri-menteri Besar serta Ketua-ketua Perhubungan Umno negeri secara terbuka melahirkan sokongan mereka kepada saya."

Beliau berkata sokongan itu dinyatakan semasa mesyuarat Majlis Tertinggi minggu lepas yang membincangkan rancangan Dr Mahathir meletakkan jawatannya dalam parti dan juga kerajaan.

Abdullah berkata para barisan pimpinan komponen BN juga telah menyatakan sokongan yang sama kepada beliau semasa Dewan Tertinggi BN mengadakan mesyuarat bagi tujuan yang sama minggu lepas.

Beliau juga menyatakan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada para pemimpin Umno dan BN di atas sokongan mereka terhadapnya.

"Dengan sokongan ini kerja saya tak akan jadi begitu sukar sangat," kata beliau.

Sambil melahirkan rasa syukur kepada Allah, Abdullah berkata dengan

sokongan padu Umno, BN dan rakyat, beliau tentulah lebih bersemangat dan akan bekerja dengan penuh ikhlas serta penuh dedikasi.

-- BERNAMA

ZS MKO RON